



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاهِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

24 MUHARRAM 1445H / 11 OGOS 2023M

MEMAKNAI KEMERDEKAAN DALAM KEHIDUPAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 09/08/2023

DIBACA PADA: 11/08/2023

DILULUSKAN OLEH: BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Penolong Pengerusi
Bahagian Penyelidikan & Informasi



Mohon semak QR Code ini jika anda sebarang
cadangan-penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (الذاريات (51):56)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الأنبياءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Marilah kita sentiasa memperbaharui keimanan dan berusaha membebaskan diri daripada unsur-unsur yang boleh merosakkannya dengan meningkatkan nilai ketakwaan kita. Nilai ketakwaan yang dijana melalui pengabdian diri hanya kepada Allah SWT dengan melaksanakan

segala perintah-Nya dan Sunnah baginda Rasulullah SAW, serta meninggalkan segala apa yang dilarang mahupun yang ditegah.

Ketibaan bulan Ogos dan juga bulan September di dalam kalendar Masihi mengingatkan kita akan peristiwa penting yang pernah melakar di dalam sejarah Negara. Justeru hari ini khatib akan menyampaikan khutbah :

“MEMAKNAI KEMERDEKAAN DALAM KEHIDUPAN.”

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hakikat sebuah kemerdekaan bukan sekadar kebebasan daripada penjajahan bangsa, Negara atau secara fizikal semata-mata. Sebaliknya menurut Islam, ia bermakna kebebasan manusia untuk dapat menikmati kehidupan bersesuaian dengan fitrah dan matlamat sebenar penciptaannya. Allah SWT menegaskan menerusi firman-Nya dalam surah az-Zariyaat. Ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Yang bermaksud : *“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

Manusia merdeka yang hidup dalam keadaan fitrah dan berakal waras, akan menjalani kehidupan serta melaksanakan keyakinannya bersesuaian dengan hak asasinya. Akan tetapi andai hak asasi yang dimaksudkan disalah tafsir dengan menurut hawa nafsu, dikhuatiri ianya akan mengundang bencana dan petaka terhadap umat Islam itu sendiri.

Lantaran kebebasan dan salah tafsir terhadap hak asasi ini, ada segelintir manusia yang menghalalkan sesuatu yang haram dan sebaliknya mengharamkan yang halal. Mereka memahami maksud “Merdeka” secara bebas sama ada dalam bentuk cara fikir, tindakan dan kehendak tanpa ada batasan mahupun peraturan. Lebih malang lagi apabila nilai dan peraturan Syarak dianggap kolot, ketinggalan zaman dan tidak relevan. Ringkas kata bagi mereka ini apa sahaja perbuatan yang dikaitkan dengan agama dan tidak dapat memenuhi kehendak mereka perlu disingkirkan. Natijahnya akan muncullah generasi acuan Barat yang berkepribadian Materialisme, Budaya Hedonis serta mengutamakan tuntutan hawa nafsu semata. *Na’uzubillahi min zaalik.*

JAMAAH JUMAAT SAUDARAKU YANG DIHORMATI,

Selain daripada Kebebasan dan kesalahan tafsir terhadap makna “Merdeka dan Hak Asasi” adalah kebebasan daripada belenggu penjajahan pemikiran dan juga ideologi. Kedua-dua elemen tersebut merupakan ancaman yang lebih besar banding ancaman penjajahan secara fizikal. Seperti yang kita maklumi, kalimah “Islam” bermaksud keamanan, kesejahteraan dan kedamaian. Ketiga-tiga maksud kalimah tersebut menjurus kepada maksud kemerdekaan. Ketika mana dunia dilanda pelbagai rencam kehidupan seperti berleluasa fitnah, ujian mahupun cabaran akhir zaman, maka keteguhan iman serta kebijakan akal sangat diperlukan dalam membuat pilihan tepat.

Kaedah dan cara berfikir masyarakat memerlukan asas kefahaman Islam yang mantap agar misi dan matlamat kehidupan di dunia mahupun di akhirat lebih jelas. Justeru agama Islam merupakan solusi bagi setiap

persoalan kehidupan. Ianya suatu sistem yang praktikal serta cara hidup yang benar dan komprehensif, sekaligus dapat memandu kehidupan manusia di dunia dan insya Allah akan meraih keredaan dan kejayaan di akhirat kelak. Sepertimana firman-Nya dalam surah ali 'Imran, ayat 19 :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ...

Yang bermaksud : *“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam...”*

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Selain daripada kebebasan belunggu penjajahan pemikiran dan ideologi, Islam juga memaknai kemerdekaan bebas daripada mendapat kemurkaan Allah SWT. Kemurkaan yang dimaksudkan adalah akibat daripada keruntuhan akhlak dan moral manusia. Kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasul Junjungan Nabi Muhammad SAW 1400 tahun yang silam, telah menyelamatkan tamadun manusia daripada sistem perhambaan, kesyirikan, kekufuran dan kemaksiatan. Namun apa yang dikesali, kehidupan manusia zaman ini telah jauh menyimpang daripada pengisian makna kemerdekaan yang dianjurkan Islam itu sendiri. Akhlak kita masih terus dijajah, ditakluk dengan gaya hidup negatif masyarakat jahiliyah pasca moden. Kelihatan masyarakat pada zahirnya tidak banyak bercakap, tetapi lebih cenderung menggunakan komunikasi secara maya dengan laras bahasa dan ekspresi buruk, lucah, keji, prasangka, fitnah dan dusta yang boleh mengundang ketegangan, permusuhan dan api kemarahan. Baginda Rasulullah SAW pernah berpesan melalui sabdanya yang bermaksud :

“Kamu hendaklah menjauhi prasangka buruk, kerana sesungguhnya prasangka buruk itu percakapan yang paling dusta. Janganlah kamu berdiam kerana ingin mendengar dan mencari keburukan orang lain. Jangan kamu mengintip mencari kesalahan, jangan saling mendengki, jangan kamu saling membelakangi kerana permusuhan dan jangan pula kamu saling membenci. Hendaklah kamu menjadi hamba-hamba Allah yang bersaudara”

(H.R al-Bukhari)

SAUDARAKU YANG DIKASIHI,

Menyimpul khutbah sempena bulan kemerdekaan ini, khatib sekali lagi ingin menyeru dan berpesan terutama diri khatib sendiri seterusnya saudaraku sekalian, marilah kita terus berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala arahan dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Ada tiga elemen penting bagi kita memaknai kemerdekaan dengan sebenarnya iaitu :

Pertama, Memaknai Kemerdekaan melalui kebebasan daripada salah tafsir makna Hak asasi dalam fitrah kehidupan manusia. **Kedua,** memaknai kemerdekaan melalui kebebasan daripada belenggu pemikiran dan ideologi dan yang **ketiga** memaknai kemerdekaan melalui kebebasan daripada kemurkaan Allah SWT. Segala sikap atau sifat negatif yang terkandung di dalam ketiga-tiga elemen kebebasan tersebut hendaklah kita singkirkan dan diganti dengan sikap “Mahmudah” seperti yang disyorkan oleh Junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Itulah pengisian dalam memaknai kemerdekaan yang sebaik-baiknya yang perlu diterapkan dalam masyarakat negeri dan Negara kita yang tercinta.

.... وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^ج وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ

Yang bermaksud :”..... Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya, maka patuhilah larangan-Nya. Bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-nya bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِخْوَشْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com